

PIM kecewa orang Kedah kurang dalam perkhidmatan awam

UM 10 MAR 2002

Oleh
AKMAR HISHAM MOKHLES

PUTRAJAYA 9 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kecewanya terhadap penduduk Kedah kerana tidak ramai yang menyertai perkhidmatan awam sehingga menyebabkan banyak jawatan penting dalam kerajaan dipegang oleh penduduk negeri lain.

Malah kata Perdana Ment-

ri, penduduk Kedah juga amat kurang menyertai pelbagai syarikat yang berpusat di ibu negara ataupun menjalankan perniagaan sendiri di sini.

Beliau berkata, mereka tidak sepatutnya bersikap seperti katak di bawah tempurung dengan menganggap negeri itu sahaja sebagai 'yang terbaik di dunia' sehingga tidak berminat membina kerjaya di tempat lain.

Sebaliknya, ujar Dr. Maha-

thir, orang Kedah harus mempunyai cita-cita yang tinggi termasuk mengambil alih kepimpinan negara ini memandangkan ramai di antara mereka yang terbukti berkebolehan untuk memimpin.

"Saya agak kecewa dan terasa agak keseorangan kadangkadangkang sebab tidak banyak orang Kedah yang bekerja dengan Kerajaan Pusat atau menyertai pelbagai syarikat di Kuala Lumpur.

"Datanglah bekerja ke Kuala Lumpur," katanya sambil menegaskan kebanyakan jawatan utama dalam perkhidmatan awam sekarang seperti Ketua Setiausaha Kementerian dipegang oleh pegawai yang berasal dari Kelantan.

Dr. Mahathir yang juga Presiden Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) berkata demikian sewaktu berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Presiden

anjuran SAHOCA Kuala Lumpur dan Selangor di Seri Perdana di sini, hari ini.

Kira-kira 400 orang terdiri daripada bekas pelajar sejak tahun 40-an bersama ahli keluarga mereka hadir pada majlis itu.

Dr. Mahathir menambah, kenyataan bahawa sebahagian besar jawatan penting itu dipegang oleh orang Kelantan adalah fakta yang perlu diterima

■ LIHAT MUKA 4

PM kecewa orang Kedah kurang dalam perkhidmatan awam

dan ia juga bukan bermakna beliau mempertikaikan kesetiaan mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau sebenarnya amat mengharapkan lebih ramai anak Kedah menjawat jawatan penting dalam kerajaan serta dalam sektor korporat.

Katanya, walaupun sekarang ramai bekas pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar telah berjaya menyandang jawatan penting dalam kerajaan dan menjadi ahli korporat, namun ia masih tidak mencukupi.

Beliau berkata, penduduk negeri itu mesti menggunakan kesempatan yang ada sementara beliau masih berada dalam kerajaan.

Pada ucapan yang sama, Dr. Mahathir secara terbuka mengaku mahu melihat orang Kedah mempunyai cita-cita yang lebih tinggi seperti mengambil alih kepimpinan kerajaan.

Menurutnya, beliau melihat ramai kalangan rakyat negeri itu yang mempunyai kelayakan yang tinggi serta kebolehan untuk memimpin.

"Mereka ini nampak dedikasi terhadap tugas, dedikasi dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat dan patut menyertai politik.

"Bila saya kata perlu sertai politik, sudah tentu saya tidak maksudkan masuk Pas. Sertai UMNOlah dan sokonglah UMNO," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut melahirkan rasa hairannya berhubung senario semakin ramai wanita memegang jawatan penting dalam kerajaan.

"Mereka pegang daripada kerja kecil hinggalah kepada kerja besar.

"Nampaknya kita semakin dikelung oleh wanita. Saya tidak tahu sama ada ini baik atau tidak," katanya sambil mengangap fenomena itu sebagai kesan daripada kerajinan dan pendidikan tinggi yang mereka miliki.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut menceritakan pengalaman beliau sepanjang menyertai ekspedisi di Antartika.

Katanya, antara pengalaman yang tidak boleh dilupakan ialah terpaksa menempuh ribut, ombak ganas, diuji dengan cuaca yang amat sejuk serta bahaya menempuh ketulan ais menggunakan kapal pemecah ais selama beberapa hari.

"Kami terpaksa memakai enam lapis pakaian tetapi isteri saya ada bersama untuk tolong memanaskan.

"Begitu juga tiga orang menteri yang turut serta tetapi tiada peluang untuk menambah isteri kerana hanya ada penguin dan singa laut di Antartika," katanya secara berseloroh.

Menurut Dr. Mahathir walaupun beliau melawat Antartika semasa kawasan itu mengalami musim agak panas, namun ia masih terlalu sejuk.

Katanya, rombongan Malaysia juga terpaksa mengharungi laut bergelora dengan ombak yang mencapai ketinggian sehingga 50 kaki, untuk ke sana.

"Namun saya selamat, ia merupakan pengembaraan yang menarik...ia mengajar tentang ketidakstabilan dan ertinya," kata beliau.